



# ***JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA***

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| <b>Ahad, 27 Februari 2022</b> |                                          |
|-------------------------------|------------------------------------------|
| <b>1.</b>                     | <b>20 Strays found poisoned</b>          |
| <b>2.</b>                     | <b>Pindah 13 lembu ke tempat selamat</b> |
| <b>3.</b>                     | <b>Saudagar telur puyuh</b>              |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# 20 strays found poisoned

Inhumane act is second mass killing of dogs in a month

By IVAN LOH  
ivanloh@thestar.com.my

IPOH: Wong Kee Yuw was heartbroken when he saw the lifeless bodies of about 20 stray dogs that he had been feeding for the past seven years near the Tasik Cernin Eco Park here.

"I do not know who would be so cruel and inhumane to do this to them," said the former eatery worker.

Wong, 61, said the dogs that he fed every morning had not caused any problems for the factory workers and lorry drivers there.

"Those who work in the area are aware that I feed the dogs every morning.

"I had not heard of any complaints from anyone about the dogs," he said when contacted.

Pictures of the carcasses being removed by Ipoh City Council workers have gone viral since yesterday morning.

This is the second mass killing of dogs in Ipoh this month.

Just weeks ago, eight dogs were found poisoned near a row of shop-lots in Lahat Mines.

In May last year, some 17 strays were found dead at the same site.

There have been accusations that the dogs were poisoned by city council workers.

However, Perak local govern-

**"I implore the people not to take matters into their own hands by being so cruel as to poison the animals."**

Ricky Soong

ment committee chairman Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi denied such allegations.

"We believe the dogs were poisoned by someone else," she said, adding that the authorities would check on the matter.

"We will not tolerate it if the authorities are doing so," she told reporters yesterday after attending the soft launch of an eco park yesterday.

Nolee Ashilin said the city council had received reports about the death of the dogs and its workers were there to remove the carcasses.

Ipoh Society for the Prevention of Cruelty to Animals (ISPCA) president Ricky Soong said dog poison-



**A sad sight:** Ipoh City Council workers removing the carcasses of about 20 poisoned dogs near an eco park in Gunung Rapat, Ipoh.

ing cases had been occurring quite frequently recently.

"I implore the people not to take matters into their own hands by being so cruel as to poison the animals.

"They can always call the city council if there are problems with stray dogs," he added.

Soong said that under the Animal Welfare Act, those caught killing animals could be fined up to

RM100,000 or face a maximum three years' imprisonment, or both.

He said ISPCA would continue to work with the city council in handling matters related to stray animals.

"We are working with the city council on the trap-neuter-release-manage programme.

"We hope to get more support from the people towards the programme," he said.

## Pindah 13 lembu ke tempat selamat




MOHD Afendi mengalihkan lembu peliharaannya ke tempat selamat bagi mengelak lemas di Kampung Paya Besar. - Gambar NSTP/ZAID SALIM

memindahkan semua haiwan ini ke tempat lebih selamat sebelum kandang dipenuhi air.

“Lagipun banjir kali ini agak pelik daripada tahun sebelum ini dan air naik dengan cepat,” katanya

ketika ditemui sedang mengalih ternakannya dari kandang dalam keadaan hujan.



TELUR burung puyuh mendapat permintaan tinggi.



BURUNG puyuh mendapat permintaan tinggi di pasaran.



JUALAN telur dan daging burung puyuh sangat menggelakkan.

## AGRO

Oleh Muhaamad Razis Ismail  
razis@mediaprima.com.my

Gagal sekali bukan bermakna gagal selamanya. Situasi ini pernah dialami penternak burung puyuh di Saville Free Range Agro, Semenyih, Selangor, Nazri Md Yusof.

Dia bersama rakan kongsinya, Lokman Hakim Johar pernah menternak unggas itu secara 'terjah' pada 2017, namun tidak bertahan lama kerana tidak mempunyai ilmu yang mencukupi.

Tidak berputus asa, empat tahun kemudian mereka kembali menternak burung puyuh. Bezanya kali ini mereka lebih bersedia dengan ilmu dan kelengkapan yang mencukupi.

Nazri berkata, mereka bermula dengan menternak 500 anak burung puyuh pada 2017 tanpa ilmu yang mencukupi dalam bidang penternakan ini.

Katanya, pada ketika itu mereka beranggapan menternak unggas ini mudah.

"Bagaimanapun, selepas beberapa lama, kami berdepan pelbagai masalah termasuk serangan penyakit dan tidak mempunyai inkubator untuk mengerami

## SAUDAGAR TELUR PUYUH

Nazri bersama rakan kongsi peroleh 500 telur setiap hari yang dikutip secara berperingkat



REBAN yang dibina mampu melindungi burung puyuh dari pelbagai ancaman.

dan menetas telur.

"Jadi, kami ambil keputusan untuk menarik 'brek tangan' bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar," katanya.

Menurutnya, pada Disember tahun lalu, dia dan rakannya membuat keputusan untuk kembali menternak burung puyuh.

"Dianggarkan RM10,000 diperuntukkan untuk membeli 300 telur dan membina reban bagi menempatkan burung puyuh dengan lebih selamat.

"Selepas beberapa bulan, kini untuk fasa pertama kami mempunyai lebih 2,000 burung puyuh. Kami menyasarkan sehingga penghujung tahun ini mampu memiliki 20,000 burung puyuh untuk memenuhi permintaan pasaran," katanya.

Mengulas lanjut, keputusan untuk kembali menternak burung puyuh itu turut didorong oleh permintaan yang tinggi.

"Kini jumlah pengeluaran sangat rendah kerana ramai penternak terpaksa cuci tangan berikutan tidak mampu menampung kos dedak yang tinggi.

"Melihat keadaan itu dan pada masa sama, mempunyai modal mencukupi, kami memilih untuk kembali memelihara burung puyuh."

"Kini kami fokuskan kepada daging dan telur burung puyuh. Di masa hadapan, kami merancang untuk membuat jualan anak burung puyuh," katanya.

Katanya, pihaknya mampu memperoleh hampir 500 telur pada setiap hari yang dikutip secara berperingkat.

"Telur ini kemudian diasingkan sama ada untuk dijual atau dikumpulkan sebelum dimasukkan dalam inkubator selama 18 hingga 20 hari."

"Selepas menetas, anak burung ini ditempatkan di beberapa reban khas menggunakan lampu berkapasiti 100 watt selama sebulan. Kemudian ia ditempatkan di reban bersama burung puyuh lain," katanya.

Jelasnya, penjagaan burung puyuh amat mudah dengan hanya perlu menyediakan reban sebagai perlindungan daripada cuaca, haiwan pemangsa dan kawalan penyakit.

"Selain itu, penternak perlu sentiasa memastikan makanan dan air bersih mencukupi. Apabila semua keperluan burung puyuh mencukupi, ia mampu menghasilkan telur dengan kerap dan banyak."

"Dari segi perlindungan penyakit, ternakan diberikan ubat dan vitamin sebagai langkah pencegahan awal kerana sekiranya diserang



KEBERSIHAN reban perlu dititikberatkan.



MAMPU memperoleh 500 telur burung puyuh pada setiap hari.



ANAK burung puyuh ditempatkan di sangkar khas selama sebulan.



Kami menyasarkan sehingga penghujung tahun ini mampu memiliki 20,000 burung puyuh untuk memenuhi permintaan pasaran

**NAZRI**

penyakit, ia amat sukar dirawat malah boleh menjangkiti burung puyuh yang lain," katanya.

Bagaimanapun, perlu juga diingat, biarpun berbadan kecil, unggas ini sangat kuat makan.

"Setiap bulan, kami peruntukan 450 kilogram dedak. Atas sebab itu ramai penternak enggan terus memelihara unggas ini berikutan kos makanan yang melambung tinggi."

"Bagi mengurangkan penggunaan dedak, makanan turut dicampur dengan jagung C (halusi)," katanya.

Pada masa sama, kebersihan kawasan sangkar perlu dititikberatkan bagi mengelakkan burung puyuh terkena jangkitan penyakit.

"Apabila najis burung sudah penuh, ia perlu terus buang. Pada masa sama, semburan 'Effective Microorganism' (EM) turut dilakukan untuk mengurangkan risiko jangkitan penyakit," katanya.

Ditanya perancangan masa hadapan, Nazri mahu memelihara lebih banyak burung puyuh yang mampu memenuhi permintaan pasaran.

"Untuk sampai ke tahap itu tidak mudah selain menuntut masa yang lama. Namun saya akan lakukan yang terbaik bagi menjadi penternak berjaya," katanya.



TELUR ditempatkan dalam inkubator.

Anda ada cerita perkhidmatan atau percutian yang hendak dikongsi dengan pembaca Metro Ahad? Apa pun Ugi, kiranya cerita menarik anda kepada kami di new.ang, home.ey.com.my atau harris@home.ey.com.my